



**TEKS UCAPAN**

**BELANJAWAN 2023  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YAB MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN

**PERSIDANGAN KEEMPAT (BELANJAWAN)  
PENGAL KELIMA**

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-14

DI

DEWAN UNDANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PADA

**25 NOVEMBER 2022 | JUMAAT**

## A. MUKADIMAH

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “**Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu**” dibacakan bagi kali kedua.

*i.* Segala pujian bagi Allah hu Ta'ala, yang telah menjadikan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi, tuan punya seluruh alam. Dialah yang telah mewujudkan keadaan gelap gelita ke alam terang benderang. Pemilik ke atas Negeri ini dan Penyedia segala sumber yang Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Limpahan selawat dan salam ke atas junjungan Rasul pilihan Nabi Muhammad SAW yang diutuskan untuk membawa rahmat ke seluruh alam. Pada diri baginda terhimpun seluruh bentuk kebaikan dan teladan untuk dijadikan contoh ikutan, semoga dengannya beroleh syafaat Rasulullah SAW untuk kita semua sebagai bekalan.

*ii.* Allah mengurniakan kepada kita Negeri Sembilan yang indah, sejahtera dengan pelbagai hasil mahsul. Kita semua adalah petugas yang diamanahkan-Nya untuk menjaga, mentadbir, membangunkan dan memajukan Negeri ini. Sebagai hamba-Nya yang bersyukur dan menghargai kasihan belas-Nya, marilah kita bersama-sama dengan rasa rendah hati meneladani pengertian surah **An-Nisa' ayat 58** di mana Allah berpesan dalam kalam-Nya.

Bermaksud: Sesungguhnya, Allah menyuruhmu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya, Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sesungguhnya, Allah Maha Mendengar, Maha Melihat.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

*iii.* Tahniah dirakamkan kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Tambun, yang telah mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri ke-10 di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara semalam. Semoga penubuhan kerajaan yang dianggotai Pakatan Harapan, Barisan Nasional, Gabungan Parti Sarawak dan lain-lain akan menstabilkan keadaan politik serta membentuk kerajaan perpaduan demi membangunkan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

## **B. PENDAHULUAN**

### **SENARIO EKONOMI DUNIA**

1. *International Monetary Fund (IMF)* dalam *World Economy Outlook* terbitan Oktober 2022 menjangkakan ekonomi dunia terus perlahan dari 6.0 peratus pada 2021 kepada **3.2 peratus** pada penutup 2022 dan hanya **2.7 peratus** pada tahun 2023.

2. Ekonomi dunia pada tahun 2023 akan lebih mencabar dengan risiko kemelesetan. Ekonomi dunia dibimbangi menghadapi situasi *the perfect storm* berikutan pertumbuhan ekonomi yang melemah, peningkatan kadar inflasi dan tindakan negara-negara mengetatkan dasar monetari. Tekanan terhadap ekonomi semakin bertambah dengan ketidaktentuan geopolitik dunia dan impak globalisasi terhadap perubahan iklim dan bencana alam. Kesan krisis peperangan di antara Russia dan Ukraine yang telah berlarutan sejak **Februari 2022** memberikan kesan langsung kepada rangkaian ekonomi dunia yang baru sahaja melangkah ke fasa pemulihan pasca Covid-19.

## **SENARIO EKONOMI NEGARA**

3. Ekonomi Malaysia pada suku ketiga tahun 2022 mencatatkan pertumbuhan 14.2 peratus berbanding 8.9 peratus pada suku tahun kedua. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2022 diyakini mampu berkembang di antara 6.5 hingga 7.0 peratus, manakala KDNK tahun 2023 pula diunjurkan sederhana pada kadar 4.0 hingga 5.0 peratus. Ekonomi yang perlahan pada tahun hadapan dijangka akan menyukarkan pemulihan. Bahang tekanan ekonomi telahpun mula dirasakan oleh rakyat terutama melibatkan peningkatan kos sara hidup. Kadar inflasi mencatatkan naik turun dari **2.3 peratus** pada Januari 2022 hingga 4.5 peratus pada September 2022.

### **Kadar Inflasi**

4. Walau bagaimanapun, kadar inflasi Negeri Sembilan pada tahun **2021** mencatatkan **2.6 peratus** berbanding kadar inflasi nasional pada tahap **2.5 peratus**. Kenaikan harga barang yang dihadapi ketika ini telah memberi impak kepada kuasa beli dan kebajikan terutamanya kepada kumpulan isi rumah B40,

sekali gus mengubah corak perbelanjaan mereka bagi memastikan kelangsungan hidup.

## **SENARIO EKONOMI NEGERI SEMBILAN**

5. Sungguhpun demikian, saya rasa amat bersyukur apabila pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan telah mula menunjukkan perkembangan yang positif pasca Covid-19. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sembilan mencatatkan **peningkatan** dengan kadar pertumbuhan sebanyak **3.0 peratus** pada tahun 2021 berbanding negatif 3.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan menunjukkan pemulihan dengan masing-masing berkembang positif sebanyak **7.2 peratus** dan **2.0 peratus**. Ekonomi Negeri Sembilan terus dipacu oleh sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang tertinggi KDNK negeri sebanyak **50.9 peratus**, diikuti sektor pembuatan sebanyak 37.7 peratus dan sektor pertanian sebanyak 6.9 peratus.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **Pelaburan**

6. Firman Allah dalam surah **Hud ayat 61**:

Bermaksud: Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, kerana itu mohonlah ampunannya, kemudian bertaubatlah kepada-Nya, Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmat-Nya) lagi memperkenankan (doa hamba-Nya)".

7. Pemulihan ekonomi sangat bergantung kepada pelaburan yang dibawa oleh sektor swasta sama ada dari dalam mahupun luar negara. Lebih banyak pelaburan yang masuk, maka lebih rancaklah rangkaian pembangunan ekonomi yang lain seperti pembinaan, perkilangan, hartanah, perbankan dan sebagainya. Namun, kecenderungan dan keyakinan pelabur akan didorong oleh pelbagai faktor terutamanya kestabilan politik, kemudahlaksanaan perniagaan dan tatakelola perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan. Alhamdulillah, berkat kestabilan politik dan berbekalkan ketekunan dan iltizam yang tidak pernah luntur, Negeri Sembilan terus memacu pelaburan yang amat membanggakan pada tahun 2021 iaitu sebanyak **5.76 bilion ringgit** melepasi sasaran **5 bilion ringgit** yang ditetapkan.

8. Momentum ini, dilihat semakin kukuh apabila, jumlah pelaburan yang telah diluluskan oleh Malaysia Investment Development Authority (MIDA) di Negeri Sembilan sehingga suku kedua tahun 2022 ini, adalah sebanyak **1.48 bilion ringgit**. Selain daripada itu, permohonan pelaburan sebanyak **6.44 bilion ringgit** lagi telah pun dikemukakan kepada MIDA dan sedang menunggu kelulusan rasmi. Ini termasuk pelaburan berjumlah **6.0 bilion ringgit** daripada **Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd. (SDIEM)** untuk membina sebuah kilang membuat Sel Bateri Kenderaan Elektrik (EV) Fasa ke-2 di Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar, Senawang.

9. Sekiranya berjalan seperti yang dirancang, saya amat yakin Kerajaan Negeri Sembilan akan sekali lagi mencatat sejarah yang amat luar biasa apabila jumlah pelaburan yang bakal diumumkan secara rasmi nanti akan melebihi **9.0 bilion ringgit** iaitu **rekod tertinggi** dalam sejarah pentadbiran Negeri Sembilan.

10. Antara pelaburan besar yang telah pun dimulakan kerja-kerja pembinaan fasiliti adalah **Dutch Lady** dengan pelaburan bernilai **450 juta ringgit** di atas tanah **seluas 32.6 ekar** di Bandar Baru Enstek. Dutch Lady akan memindahkan sepenuhnya operasi mereka dari Petaling Jaya ke Bandar Enstek pada **suku ketiga tahun 2023** dan bakal mewujudkan **400 peluang pekerjaan** kepada penduduk setempat. Terdapat tiga (3) lagi pelaburan baharu bakal dibuka di Bandar Enstek iaitu **Ajinomoto Malaysia Berhad** pada bulan **Disember 2022**, **Mahsuri Food (M) Sdn Bhd** dan **Macfood Services (M) Sdn Bhd** masing-masing pada akhir tahun 2023. Ketiga-tiga projek ini bakal menawarkan lebih **1,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi** di sana.

### **Kadar Pengangguran**

11. Peningkatan jumlah pelaburan ke negeri ini telah berjaya membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sekali gus menurunkan peratus pengangguran kepada **3.3 peratus** pada **suku kedua tahun 2022** berbanding 4.2 peratus pada tahun 2021.

### **PROSPEK EKONOMI 2023**

12. Namun begitu, Negeri Sembilan juga tidak terkecuali untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi tahun hadapan. Sekiranya tiada tindakan intervensi yang tuntas diambil oleh Kerajaan untuk mempengaruhi rangkaian ekonomi di peringkat pengeluaran (*supply*) dan permintaan (*demand*), maka tekanan ekonomi ini akan terus menghimpit rakyat dan jurang inflasi akan terus melebar.

13. Justeru itu, saya rasa amat bersyukur, apabila **tiga (3) strategi** dan **52 inisiatif** Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2022 telah mula menampakkan keberkesanan atau *outcomenya* selepas suku ketiga tahun 2022, bertepatan dengan temanya "**Mendaya Upaya Ekonomi Rakyat**". Pelbagai program

pemeriksaan ekonomi rakyat telah berjaya dilaksanakan termasuklah pembangunan tanah-tanah terbiar, bantuan modal perniagaan, pensijilan industri halal *cottage*, bantuan peralatan tangkapan ikan kepada nelayan pantai, pemberian elaun sara hidup bulanan kepada pelajar-pelajar universiti, pemberian subsidi Rumah Harapan dan ratusan lagi projek-projek kesejahteraan rakyat yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

14. Sehingga 15 November 2022, sebanyak **48 inisiatif** sama ada telah siap ataupun sedang dilaksanakan dengan prestasi perbelanjaan sebanyak **47.41 juta ringgit**. Kerajaan Negeri juga telah pun melunaskan sebanyak **97 peratus** daripada **71 janji-janji** Manifesto Pakatan Harapan pada tahun 2018 yang lalu. Ini membuktikan, Kerajaan ini bukanlah sekadar menanam tebu di bibir sebaliknya berpegang pada janji dan sentiasa mengotakan apa yang dikata. Antara janji yang terlunas adalah menggandakan peruntukan tahunan untuk hal ehwal Islam, memberi peruntukan tahunan kepada badan-badan induk agama bukan Islam, menukarkan hakmilik tanah jenis perumahan berstatus Hakmilik Pajak (*leasehold*) kepada Hakmilik Kekal (*freehold*), perkhidmatan bas percuma, bantuan tambang bas bulanan murid-murid sekolah, kemudahan mikro kredit dan banyak lagi inisiatif yang lain.

15. Sebaliknya, Kerajaan Negeri sentiasa sedar dan insaf dalam memikul tanggungjawab kepada seramai **1.13 juta** rakyat Negeri Sembilan. Kami tidak akan sesekali mengkhianati amanah dan harapan yang diberikan oleh rakyat di negeri ini.



Firman Allah dalam surah **Al-Ma'idah ayat 8**:

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **C. PRESTASI BELANJAWAN 2022**

#### **Prestasi Kutipan Hasil**

16. Sungguhpun masih berhadapan dengan impak Covid-19, pelbagai sektor ekonomi dilihat semakin pulih dan kembali aktif terutamanya sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembangunan hartanah. Perkembangan positif ini memberi kesan kepada prestasi kutipan hasil negeri dimana sehingga **15 November 2022**, jumlah kutipan hasil yang telah berjaya dikutip adalah sebanyak **431.92 juta ringgit** atau **99.98 peratus** dari sasaran **432 juta ringgit**.

17. Pastinya kejayaan demi kejayaan yang dicapai ini, tidak akan datang sebegitu mudah tanpa adanya usaha yang gigih dari semua pihak, bak kata pepatah, ***yang pipih tidak akan datang melayang dan yang bulat tidak akan datang bergolek***. Berkat urus tadbir kewangan yang cekap dan penuh integriti, Negeri Sembilan telah melakar satu lagi sejarah yang amat membanggakan, apabila buat pertama kalinya, **Penyata Kewangan Negeri tahun 2021** telah

ditanda tangani oleh Ketua Audit Negara sehari sebelum sesi *Exit Conference* yang diadakan pada 31 Julai 2022 yang lalu. Ini mencerminkan keyakinan yang tinggi oleh Yang Berbahagia Ketua Audit Negara terhadap pengurusan kewangan Negeri Sembilan, Alhamdulillah. Untuk itu, saya ucapkan terima kasih kepada semua ketua jabatan yang terlibat, khususnya kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, di atas pelbagai usaha yang dilakukan dalam meningkatkan hasil negeri dan menguruskan kewangan negeri dengan penuh bijaksana.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

#### **D. REKOD PENCAPAIAN EMPAT TAHUN PENTADBIRAN**

18. Alhamdulillah, hari ini genaplah **4 tahun 6 bulan dan 17 hari** saya dan rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri dari Pakatan Harapan mentadbir Negeri Sembilan sejak Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 yang lalu. Ini bukanlah satu rekod pentadbiran yang panjang jika dibandingkan dengan 60 tahun pemerintahan kerajaan yang terdahulu. Namun, dalam tempoh yang singkat dan keterbatasan pengalaman, kami masih gagah menyusun langkah demi langkah dalam menghadapi apa jua cabaran yang mendatang, khususnya cabaran Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021. Ianya langsung tidak mematahkan semangat juang dan iltizam kami demi sumpah setia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku khususnya dan rakyat Negeri Sembilan amnya. Hanya satu ungkapan yang boleh saya rangkumkan, sebagai rasa syukur di atas pencapaian negeri tercinta ini, iaitu, **Negeri Sembilan Telah Berubah Wajah**. Untuk itu, izinkan saya nyatakan di dalam dewan yang mulia ini, **sepuluh (10) bukti** pencapaian yang berjaya dilaksanakan dalam tempoh empat tahun pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan di Negeri Sembilan ini.

## Pertama: **Prestasi Kutipan Hasil**

19. Kerajaan Negeri telah melaksanakan amanah yang ditanggungjawabkan oleh rakyat sebaik mungkin. Buktinya, prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri sejak ditadbir oleh Pakatan Harapan meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya dengan rekod kutipan hasil tertinggi pernah dicapai dalam sejarah Negeri Sembilan pada tahun 2019 berjumlah **556.44 juta ringgit** dengan jumlah *surplus* sebanyak **147.47 juta ringgit**.

20. Peningkatan kutipan hasil dan surplus yang tinggi ini, membolehkan Kerajaan Negeri membentangkan bajet defisit pada tahun 2021 dan 2022 bagi mengembalikan semula hasil negeri tersebut kepada rakyat negeri ini dalam pelbagai bentuk inisiatif, insentif, bantuan kewangan, bantuan modal dan projek-projek pembangunan. Ini boleh dilihat melalui peningkatan peruntukan dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri pada setiap tahun.

## Kedua: **Pelaburan**

21. Saya dan rakan-rakan Pakatan Harapan tidaklah berhasrat untuk mendabik dada, namun biarlah statistik dan data-data rasmi ini menjadi bukti pencapaian kerajaan untuk penilaian semua. Buat rakyat di luar sana, bacalah, dengarlah dan bukalah minda untuk membuat penilaian yang saksama berdasarkan fakta-fakta yang akan saya bentangkan ini. Untuk rekod, jumlah pelaburan langsung yang berjaya dibawa masuk ke negeri ini dari tahun **2018 hingga 2021** adalah sebanyak **23.32 bilion ringgit**. Bermula tahun 2019 sehingga kini, nilai pelaburan tahunan yang diterima oleh Negeri Sembilan melebihi **5.0 bilion ringgit** setiap tahun dengan rekod pelaburan tertinggi pada tahun **2020** berjumlah **7.93 bilion ringgit**. Rekod pelaburan tertinggi Negeri Sembilan yang pernah dicatatkan **sebelum tahun 2018** adalah sebanyak **1.91 bilion ringgit** iaitu pada tahun **2016**. Tahniah diucapkan kepada Invest NS

selaku penyelarar dalam menarik pelaburan ke Negeri Sembilan serta pihak-pihak lain yang terlibat.

### Ketiga: **Rizab Negeri dan Akaun Hasil Disatukan**

22. Alhamdulillah, kedudukan rizab Kerajaan Negeri masih lagi berada dalam keadaan yang kukuh sungguhpun berhadapan dengan cabaran getir Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021. Sehingga **15 November 2022**, jumlah **rizab Kerajaan Negeri** adalah berjumlah **748.27 juta ringgit** yang terdiri **dari Akaun Hasil Disatukan** sebanyak **433.91 juta ringgit** dan **Akaun Amanah Disatukan** berjumlah **314.36 juta ringgit**. Sepanjang empat tahun pentadbiran, kedudukan rizab negeri adalah lebih tinggi daripada rizab yang ditinggalkan oleh kerajaan sebelum ini dengan rekod tertinggi berjumlah **889.75 juta ringgit** pada tahun **2020**. Untuk rekod, rizab **Akaun Hasil Disatukan** yang ditinggalkan pada tahun 2018 yang lalu hanyalah sebanyak **369.31 juta ringgit** sahaja.

23. Kedudukan rizab kewangan yang kukuh membolehkan Kerajaan Negeri menyediakan belanjawan tambahan berjumlah **50 juta ringgit** semasa wabak Covid-19 pada tahun 2020 yang lalu.

### Keempat: **Prestasi Badan Berkanun Negeri**

24. Selain memperkukuhkan kedudukan kewangan negeri, Kerajaan juga komited untuk memperkasakan kesemua Badan-badan Berkanun Negeri dan anak-anak syarikat di bawahnya. Pelbagai program *Business Process Re-engineering* telah dilakukan seperti pelaburan strategik, penstrukturan korporat, penyusunan semula anak-anak syarikat, projek usahasama, penerokaan hasil-hasil baharu dan tadbir urus yang baik. Usaha-usaha ini telah berjaya mentransformasikan sebahagian besar Badan-badan Berkanun Negeri yang ada. Sebagai contoh, kerajaan negeri telah berjaya menambah sebanyak **29**

**peratus saham** anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan (PKNNS) iaitu **Negeri Roadstone Sdn Bhd** dari asalnya **51 peratus saham kepada 80 peratus saham**. Tidak cukup setakat itu, PKNNS juga telah bergabung dengan Menteri Besar Diperbadankan (MBI) untuk mengambil alih **100 peratus** saham syarikat **Pati Nilai Quarry (PNQ)** pada **bulan Jun tahun 2021**. MBI pula, telah mengambil alih **100 peratus** saham syarikat **Tanjung Leman Theme Park** iaitu salah satu anak syarikat milik Johor Corporation (JCorp) pada bulan November tahun 2021. Ini membolehkan MBI memiliki **seluas 60 ekar tanah kuari** di Sungai Gadut yang dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2023.

25. Justeru itu, telah sampai masanya hari ini, untuk saya bentangkan satu persatu laporan penyata untung rugi syarikat pada tahun 2021 berbanding tahun 2018 sebagai perbandingan seperti berikut:

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) telah mencatatkan keuntungan **10.87 juta ringgit** pada tahun **2021** berbanding **2.34 juta ringgit** pada tahun 2018;
- ii. Negeri Roadstone Sdn Bhd (NRSB) merekodkan **keuntungan 8.92 juta ringgit** pada tahun 2021 berbanding **1.19 juta ringgit** pada tahun 2018;
- iii. Yayasan Negeri Sembilan pula mencatatkan keuntungan sebanyak **13.71 juta ringgit** pada tahun 2021 berbanding **2.52 juta ringgit** pada tahun 2018;
- iv. Kumpulan Akademi YNS juga berjaya **mengurangkan** kerugian dengan hanya **264 ribu ringgit** pada 2021 berbanding kerugian **816 ribu ringgit** pada tahun 2018;
- v. YNS Event Management (YNSEM) mencatatkan keuntungan sebanyak **198 ribu ringgit** pada tahun 2021 berbanding kerugian **30 ribu ringgit** pada tahun 2018; dan

vi. Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dengan keuntungan sebanyak **3.29 juta ringgit** pada tahun 2021 berbanding **27 ribu ringgit** pada tahun 2018.

26. Selain daripada itu, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan turut mencatatkan peningkatan kutipan hasil sebanyak **258 juta ringgit** pada tahun 2021 berbanding 159 juta ringgit pada tahun 2018.

27. Peningkatan keuntungan Badan Berkanun Negeri dan anak syarikat ini turut memberikan pulangan dalam bentuk hasil kepada Kerajaan Negeri apabila Badan Berkanun Negeri dan anak syarikat sudah mula menjelaskan bayaran tunggakan hutang-hutang kepada Kerajaan Negeri. Kalau dahulu, ada GLC yang nak bayar gaji pun tidak cukup, tetapi kini semua GLC telah mampu membayar bonus setiap tahun. Alhamdulillah.

28. Kerajaan Negeri tidak akan sesekali mengambil jalan mudah dengan melupuskan hutang Badan Berkanun Negeri dan anak syarikat kepada Kerajaan Negeri sebagaimana yang berlaku sebelum ini dengan menghapuskan tunggakan caj air mentah kepada Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) berjumlah **29 juta ringgit** pada tahun **2013**. Sebaliknya, pengurusan SAINS telah diberikan Petunjuk Prestasi (KPI) yang tinggi yang perlu dicapai setiap tahun. Tanpa menaikkan kadar tarif air, Alhamdulillah, pada tahun **2021**, SAINS telah berjaya mencatatkan **keuntungan selepas cukai** sebanyak **3.29 juta ringgit** dan pada masa yang sama telah berjaya membayar tunggakan caj air mentah kepada Kerajaan Negeri sebanyak **89.7 juta ringgit** sejak tahun 2018 hingga kini.

#### Kelima: **Infrastruktur Asas**

29. Selain menumpukan kepada pengukuhan hasil negeri, kerajaan turut memberikan tumpuan yang seimbang terhadap kemudahan infrastruktur asas terutamanya penyelenggaraan jalan-jalan negeri. Untuk rekod, dari tahun 2019 sehingga 2022, sebanyak **5,985 projek MARRIS** telah dilaksanakan di seluruh Negeri Sembilan yang **melibatkan 5,376 km panjang** jalan luar bandar, jalan perbandaran dan kawasan perindustrian dengan kos projek sebanyak **1.29 bilion ringgit**.

30. Bagi memastikan peruntukan yang besar ini dapat dimanfaatkan oleh kontraktor-kontraktor kecil Bumiputra, Kerajaan Negeri telah melaksanakan perolehan kerja secara undian sejak tahun 2020 sehingga kini. Dalam tempoh tersebut, sebanyak **2,126 projek MARRIS** telah diundi dengan jumlah kos projek sebanyak **200.23 juta ringgit**.

31. Hasil usaha agresif semua pihak, Negeri Sembilan telah berjaya menduduki tempat **pertama nasional** bagi Prestasi Perbelanjaan MARRIS pada tahun 2020 dengan prestasi perbelanjaan pada tahap **132.03 peratus** berjumlah **455.95 juta ringgit**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

#### Keenam: **Syiar Islam**

32. Kerajaan negeri sentiasa menjunjung agama Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan dan berikrar akan terus mempertahankan kedaulatan agama Islam di negeri ini. Firman Allah surah **Al-A'raf ayat 96**:

Bermaksud: “Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya”

33. Justeru itu, kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan yang besar untuk melaksanakan pelbagai bentuk program pembangunan syiar Islam di negeri ini, tanpa sedikit pun meminggirkan keperluan agama lain. Dalam tempoh 4 tahun pentadbiran, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak **52.1 juta ringgit** bagi membina **tujuh (7) buah** masjid baharu di seluruh Negeri Sembilan, tidak termasuk **17.69 juta ringgit** untuk kerja-kerja menaiktaraf dan menyelenggara surau dan masjid dengan **DUN Chembong** menerima **peruntukan tertinggi** iaitu **2.23 juta ringgit** walaupun ianya dalam kawasan ADUN bukan kerajaan.

34. Untuk rekod, jumlah peruntukan pembangunan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS) di bawah vot **P63 dari tahun 2019 hingga 2022** adalah sebanyak **52.56 juta ringgit** dan ini jauh lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

35. Selain dari peruntukan negeri, Kerajaan juga saling bekerjasama erat dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) khususnya dalam hal berkaitan pengurusan zakat. Pelbagai usaha dan pendekatan dilakukan bagi menarik lebih banyak syarikat dan tokoh korporat datang membayar zakat di negeri ini. Alhamdulillah, kita telah menerima bayaran zakat yang semakin meningkat setiap tahun dari tahun 2019 hingga tahun 2021 dengan kutipan **tertinggi pada tahun 2021 sebanyak 142.36 juta ringgit**. Untuk rekod, sehingga bulan **Oktober 2022**, MAINS telah menerima sebanyak **104 juta**



**ringgit** kutipan zakat dari pelbagai kategori dan telah pun mengagihkan sebanyak **112 juta ringgit** kepada 8 golongan asnaf yang layak menerima.

#### Ketujuh: **Pemeriksaan Institusi Pendidikan Negeri**

36. Selain dari pengukuhan syiar Islam, kerajaan juga komited untuk memperkasakan institusi pendidikan agama dan TVET di negeri ini bagi memastikan anak-anak mendapat kemudahan pembelajaran yang kondusif dan selesa. Untuk rekod, Kerajaan telah pun melunaskan janji untuk menaiktaraf bangunan akademik milik **Kolej Yayasan Negeri Sembilan di Gentam, Kuala Pilah** dengan kos sebanyak **13.0 juta ringgit** termasuk peralatan. Bangunan ini telah pun dirasmikan pada **6 Oktober 2022** yang lalu dan berupaya menampung seramai **1,000 pelajar** pada satu-satu masa. Bangunan ini dilengkapi dengan 23 buah bilik kuliah, 8 buah bengkel dan 2 buah makmal komputer untuk kemudahan pelajar.

37. Kerajaan juga amat berbangga dengan pencapaian cemerlang pelajar-pelajar Sekolah Agama Berasrama Penuh (SABP) Maahad Ahmadi, Gemencheh pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, saya berasa amat tersentuh apabila melihat kemudahan pembelajaran yang daif dan tidak kondusif di sekolah tersebut. Dari tahun **2020 hingga 2022**, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak **1.32 juta ringgit** untuk kerja-kerja menaiktaraf asrama dan kemudahan pembelajaran yang lain di SABP Maahad Ahmadi. Kerajaan Negeri juga akan membelanjakan sebanyak **13.1 juta ringgit** untuk kerja-kerja membina blok akademik, asrama dan dewan makan yang baharu untuk **Sekolah Tinggi Agama Malaysia (STAM), Maahad Ahmadi, Gemencheh**.

38. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan khas penyelenggaraan sebanyak **1.0 juta ringgit** pada setiap tahun untuk

menampung kekurangan peruntukan kerja-kerja penyelenggaraan kecil sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negeri melalui kerjasama dengan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG). Sehingga **November 2022**, sebanyak **90 buah sekolah** telah menerima geran bantuan tersebut.

39. Kerajaan juga telah melunaskan janji untuk menyiapkan kerja-kerja menaiktaraf Rumah Negeri Sembilan di Kaherah, Mesir bagi keselesaan anak-anak negeri yang belajar di sana. Ianya melibatkan kerja-kerja penggantian lif, menaiktaraf tandas dan penggantian perabot yang baru. Majlis **penyerahan siap kerja** telah pun disempurnakan pada **23 Jun 2022** lalu. Kini, anak-anak boleh mendiami rumah dengan penuh selesa dan selamat, Alhamdulillah.

#### Kelapan: **Penyelesaian Masalah Tertunggak**

40. Sudah menjadi tanggung jawab Kerajaan untuk mendengar rintihan rakyat dan sedaya upaya cuba menyelesaikan masalah yang terbelenggu sejak sekian lama, bak kata bidalan "***Yang kusut diselesaikan, yang keruh dijernihkan, berkayu berakar, tungku bercanggah. Kerbau ditambang, beras dibasuh, inai diandam, orang dipanggil***".

41. Selain dari melunaskan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan, Kerajaan Negeri turut bersimpati dengan penderitaan yang dihadapi oleh segelintir masyarakat akibat dari masalah tertunggak yang gagal diselesaikan sejak sekian lama. Penantian selama **40 tahun** penduduk Gatco telah berjaya diselesaikan pada **27 Mei 2022** yang lalu apabila seramai **211 orang peneroka** menerima hak milik tanah dari Kerajaan Negeri. Tidak terhenti di situ, penantian selama **13 tahun** juga berakhir bagi **206 pembeli rumah** di **Taman Perpaduan Heights** yang terbengkalai sejak sekian lama apabila telah menerima sebidang tanah sebagai tapak ganti rumah berkeluasan sehingga **5,000 kaki persegi** dengan caj premium yang nominal. Kerajaan juga berjaya merungkai isu-isu

---

hak milik tanah kepada **159 orang penduduk FELCRA Rompin A** yang telah menunggu selama **43 tahun** sejak tahun 1979.

42. Selain daripada itu, nasib seramai **44 orang bekas pekerja estet Ladang Kirby** turut mendapat pembelaan yang sewajarnya dari kerajaan negeri. Penantian selama **22 tahun** untuk memiliki sebuah rumah sendiri kini semakin menjadi kenyataan apabila projek perumahan **Rumah Mampu Milik** sebanyak **203 unit** sedang giat dilaksanakan oleh MBI dan dijangka siap pada **Februari 2024**.

#### Kesembilan: **Pemeriksaan Perbandaran**

43. Selain dari memiliki kediaman yang baik, rakyat juga memerlukan persekitaran kediaman yang selamat, bersih, indah dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam yang berkualiti. Untuk itu, adalah menjadi dasar kerajaan negeri untuk memastikan semua Pihak Berkuasa tempatan (PBT) menyediakan kemudahan perbandaran yang berkualiti tinggi supaya berdaya huni dan bahagia untuk didiami.

44. Alhamdulillah, berkat usaha yang berterusan dari semua pihak, Negeri Sembilan telah diiktiraf sebagai **Negeri Bahagia** berdasarkan **Indeks Kebahagiaan 2021** Jabatan Perancangan dan Desa (PLANMalaysia). Anugerah ini dikurniakan apabila ke semua PBT memperoleh skor indeks kebahagiaan **melebihi 80 peratus** dengan **Bandar Tampin** merupakan antara **10 Bandar Paling Bahagia** di Malaysia dengan skor tertinggi **99.5 peratus**. Saya juga berbangga dengan pencapaian **Majlis Daerah Kuala Pilah** di atas **Pencapaian Terbaik SDG 11** (*Sustainable Development Goals*), Program Pengukuran Bandar Mapan Malaysia melalui skor MURNInets bersempena

Hari Perancang Bandar Sedunia 2022. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

Kesepuluh: **Kebajikan Perkhidmatan Awam**

45. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai bentuk inisiatif untuk manfaat penjawat awam seperti Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah, Pinjaman Komputer Tanpa Faedah dan Perumahan Penjawat Awam. Sehingga November 2022 seramai **530 penjawat** awam telah diberikan kelulusan pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah dengan jumlah kelulusan sebanyak **10.61 juta ringgit**. Selain itu, seramai **349 penjawat awam** lagi telah menerima kunci **Taman Rimbun Harapan** di Bandar Ainsdale pada **2 April 2022** yang lalu.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

**E. RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN**

46. Hala tuju pembangunan Negeri Sembilan rancak dipandu oleh dua rancangan pembangunan iaitu **Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 (RPNS)** dan **Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2023-2027 (PEDNS)**. Kedua-dua rancangan pembangunan ini akan dicerakinkan dalam setiap belanjawan tahunan supaya matlamat rancangan pembangunan tersebut dapat direalisasikan sepenuhnya.

47. Negeri Sembilan merupakan **negeri pertama** yang merintis kepada **pewujudan Jadual Input-Output Wilayah** di Malaysia. Dapatan analisis saintifik daripada Jadual Input-Output Negeri Sembilan ini, dijadikan landasan

dalam merangka dokumen **RPNS 2021-2025**. RPNS disediakan berasaskan **tiga (3) Fokus Utama** iaitu **Kemampuan Ekonomi; Kesejahteraan dan Kemakmuran Rakyat; dan Kelestarian Alam Sekitar**.

48. Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan pula, adalah sebagai persediaan Negeri Sembilan dalam menghadapi perubahan global ekonomi digital. Kerajaan Negeri akan menitik beratkan peningkatan keupayaan digital termasuk kualiti liputan dan kelajuan rangkaian jalur lebar agar penyampaian perkhidmatan oleh kerajaan berlaku secara dalam talian dari peringkat awal hingga ke akhir (*end-to-end*).

49. Pembangunan ekonomi digital di Negeri Sembilan akan dilaksanakan melalui tiga (3) pendekatan iaitu **Kerajaan yang dipacu oleh pendigitalan; Industri yang berpaksikan pendigitalan; dan Rakyat negeri dengan literasi digital yang baik**. PEDNS menyenaraikan strategi dan pelan tindakan bagi mencapai aspirasi negeri untuk menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030 berpaksikan ekonomi digital.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

#### **F. BELANJAWAN 2023**

50. Alhamdulillah, pembentangan **Belanjawan 2023** ini merupakan tahun terakhir saya pada penggal ini dalam menggalas tanggungjawab memimpin pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan di Negeri Sembilan yang tercinta ini. Semoga belanjawan ini akan terus memberi manfaat kepada rakyat menerusi sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berintegriti selaras dengan tema **Bersih, Muafakat dan Sejahtera**.

51. Semua janji-janji dilunaskan atas dasar tanggungjawab dan amanah bagi menjadikan negeri tercinta ini berkat tanahnya, makmur penghuninya dan sejahtera sentiasa. Fokus Belanjawan 2023 ditumpukan kepada inisiatif-inisiatif yang diyakini dapat mengimbangkan di antara keperluan sara hidup dan pengukuhan ekonomi supaya terus berdaya tahan (*resilience*). Mendasari semangat dan iltizam ini, sukacita saya mengumumkan tema Belanjawan Tahun 2023 ini adalah:

**“MELUNAS JANJI, MENGGALAS HARAPAN”**

52. Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, **Belanjawan Tahun 2023** dengan peruntukan **Belanja Mengurus** sebanyak **550.0 juta ringgit** berbanding **Anggaran Hasil** sebanyak **450.0 juta ringgit**. Peruntukan bagi maksud **Belanja Pembangunan** pula adalah sebanyak **130.0 juta ringgit**. Justeru, Belanjawan 2023 yang dicadangkan ini merupakan **belanjawan defisit** sebanyak **100.0 juta ringgit**.

53. Sungguhpun ianya merupakan tahun ketiga pembentangan belanjawan secara defisit, namun ianya dibuat secara bersasar dan masih dalam batas **keupayaan rizab tunai negeri**. Belanjawan defisit ini juga merupakan salah satu intervensi Kerajaan Negeri dalam merangsang ekonomi domestik berdasarkan model Input-Output yang dibangunkan. Hasil kajian mendapati secara umumnya, setiap 1.0 peratus peningkatan nisbah perbelanjaan mengurus cenderung untuk menjana 1.3 peratus KDNK negeri.

### **Anggaran Hasil 2023**

54. **Hasil Cukai** dijangka menyumbang sebanyak **159.84 juta ringgit** atau 35.52 peratus. **Hasil Bukan Cukai** pula dijangka akan menyumbang sebanyak

**227.96 juta ringgit** atau 50.66 peratus. Manakala, **Terimaan Bukan Hasil** dijangka sebanyak **62.20 juta ringgit** atau 13.82 peratus.

55. **Hasil Bukan Cukai** terus menjadi penyumbang utama melalui pelbagai hasil tanah, faedah pelaburan, caj air mentah, permit dan premium perhutanan. Penetapan anggaran hasil ini diunjurkan dengan teliti dan realistik setelah mengambilkira pelbagai indikator ekonomi seperti bilangan permohonan Kebenaran Merancang di Pihak Berkuasa Tempatan dan perluasan hasil.

### **Anggaran Belanja Mengurus 2023**

56. Bagi Anggaran Belanja Mengurus berjumlah **550 juta ringgit**, perbelanjaan tertinggi adalah bagi maksud **Emolumen** sebanyak **207.90 juta ringgit** atau 37.80 peratus. Seterusnya, **Perkhidmatan dan Bekalan** sebanyak **111.78 juta ringgit** atau 20.32 peratus, **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** sebanyak **224.33 juta ringgit** atau 40.79 peratus, **Perolehan Aset** sebanyak **0.94 juta ringgit** atau 0.17 peratus dan **Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain** sebanyak **5.05 juta ringgit** atau 0.92 peratus.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **G. INISIATIF BELANJAWAN 2023**

57. Sejak tahun 2019 hinggalah belanjawan tahun 2022, sejumlah **152 inisiatif** telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri meliputi pelbagai bidang tumpuan antaranya Pemerkasaan Ekonomi Rakyat, Kebajikan, Pendidikan, Modal Insan, Pembangunan Belia dan Wanita serta Pentadbiran.

58. Kesemua inisiatif ini sama ada akan diteruskan, ditambah baik atau distruktur semula berdasarkan pencapaian *outcome* masing-masing. Bagi meneruskan transformasi tersebut, sukacita saya umumkan, sebanyak **22**

**inisiatif baharu** akan diperkenalkan dan **42 inisiatif sedia ada** akan dikekalkan, menjadikan jumlah inisiatif Belanjawan 2023 adalah sebanyak **64 inisiatif** dengan peruntukan berjumlah **107 juta ringgit**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **Bidang Tumpuan 1: JAMINAN BEKALAN MAKANAN**

59. Sidang Kemuncak Makanan Dunia Tahun 1996 mentakrifkan jaminan bekalan makanan sebagai “***keupayaan semua manusia untuk mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat untuk hidup yang aktif dan sihat***”.

60. Sektor pertanian perlu diberikan fokus tumpuan dan dilindungi bagi memastikan penduduk Negeri Sembilan khususnya, mempunyai bekalan makanan yang mencukupi pada paras harga yang munasabah. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan meletakkan **Jaminan Bekalan Makanan** sebagai bidang tumpuan utama dalam Belanjawan 2023, sebagai usaha untuk meningkatkan **sekuriti makanan** terutamanya dalam subsektor ternakan, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap import bekalan makanan.

61. Sektor pertanian juga perlu melakukan transformasi yang lebih progresif supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi tempatan. Untuk rekod, sektor pertanian telah menyumbang sebanyak **6.9 peratus** kepada KDNK negeri pada tahun 2021. Tumpuan akan diberikan kepada aktiviti pengeluaran bekalan makanan menggunakan teknologi pertanian berskala tinggi, pertanian pintar, mekanisasi dan pelbagai teknologi *artificial intelligence* (AI) yang lain.



62. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan dua (2) inisiatif sedia ada di bawah bidang tumpuan Jaminan Bekalan Makanan iaitu **Pembangunan Tanah Terbiar** dan **Tabung Agro** dengan masing-masing diperuntukkan sebanyak **1.0 juta ringgit** pada tahun 2023. Bantuan input pertanian dan kemudahan infrastruktur dengan nilai maksimum **15 ribu ringgit** seorang secara geran akan diteruskan di bawah Inisiatif Pembangunan Tanah Terbiar. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan inisiatif Tabung Agro yang berbentuk pinjaman tanpa faedah dengan nilai maksimum **100 ribu ringgit** untuk tujuan pengukuhan modal perniagaan.

63. Bidang Tumpuan ini turut diperkukuhkan dengan **enam (6) inisiatif baharu** dengan peruntukan sebanyak **7.05 juta ringgit** yang menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan bagi bidang tumpuan Jaminan Bekalan Makanan sebanyak **9.05 juta ringgit**.

**64. Inisiatif Baharu (1): Sekuriti Makanan**

Menyedari betapa pentingnya menangani isu-isu berkaitan bekalan makanan secara berkesan, maka kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan sebanyak **3.5 juta ringgit** bagi inisiatif baharu iaitu **Sekuriti Makanan**. Ini merupakan salah satu intervensi kerajaan di peringkat rantai pengeluaran (*supply chain*). Inisiatif ini akan memberikan insentif secara barangan atau *in-kind* kepada petani dan penternak bagi meningkatkan tahap pengeluaran masing-masing dan mampu mengurangkan kos operasi ladang sehingga 10 peratus untuk manfaat kepada lebih 150 pengusaha.

**65. Inisiatif Baharu (2): #NISMILANPRIHATIN**

Semasa membentangkan usul berkaitan kos sara hidup di dalam Sidang Dewan yang lalu, kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak **5.0 juta ringgit** bagi menjayakan Inisiatif Nismilan Prihatin iaitu jualan harga ladang

barang-barang asas makanan seperti ayam, telur, minyak masak, sayur-sayuran dan daging. Inisiatif ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pembeli terutamanya di kalangan B40. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat yang sudi memasarkan produk mereka pada harga ladang. Saya amat terharu dengan kesudian kakitangan kerajaan dan sukarelawan yang sanggup berkorban tenaga menyembelih ayam, memproses, membungkus dan menjual barangan setiap minggu di tujuh (7) lokasi di seluruh Negeri Sembilan. Semoga Allah ganjarkan pahala dan syurga kepada kita semua atas niat murni ini.

66. Justeru itu, kerajaan memutuskan untuk meneruskan lagi inisiatif ini pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **1.0 juta ringgit**. Dengan ini, masyarakat berpeluang membeli barangan harian dengan potongan harga di antara 20 peratus hingga 30 peratus.

#### 67. **Inisiatif Baharu (3): Muafakat Tani**

Bagi mengimbangi beban kos sara hidup rakyat dan seterusnya memupuk minat bertani di kalangan isi rumah dan komuniti, Inisiatif **Muafakat Tani** akan diperkenalkan pada tahun 2023. Melalui inisiatif ini, pakej bantuan diberikan iaitu **Pakej Personal bernilai RM1,000.00** bagi seorang peserta dan **Pakej Komuniti bernilai 15.0 ribu ringgit** setiap komuniti berupa pemberian kit pertanian seperti benih, baja dan tanah campuran bagi memulakan tanaman dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit**. Diharapkan ianya memberikan galakan kepada masyarakat untuk melaksanakan kebun komuniti masing-masing bagi mengurangkan kos belanja barangan dapur.

#### 68. **Inisiatif Baharu (4): Insentif Penanaman Napier, Pastura dan Kekacang (i-NPAK).**

Bagi membantu golongan penternak dalam menghadapi isu kenaikan harga input makanan ternakan, Kerajaan Negeri bersetuju mewujudkan **Insentif Penanaman Napier, Pastura dan Kekacang (i-NPAK)** dalam usaha membantu mengurangkan kebergantungan kepada sumber makanan dedak. Kadar bantuan yang disediakan adalah sebanyak **10.0 ribu ringgit** per ekar dengan maksimum keluasan dua (2) ekar untuk seorang peserta yang terbuka kepada pemain industri ternakan ruminan di Negeri Sembilan. Input yang diberikan berupa penyediaan dan pembersihan tanah serta bekalan benih rumput. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** disediakan pada tahun 2023.

#### 69. **Inisiatif Baharu (5): i-SmarTANI**

Selain menggalakkan penyertaan komuniti dalam aktiviti pertanian, Kerajaan Negeri juga melihat potensi yang besar penggunaan aplikasi pintar teknologi *Internet of Think (IoT)* dan *Artificial Intelligence (AI)* dalam sektor pertanian. Justeru itu, satu plot pertanian moden dan berteknologi tinggi akan dibangunkan di Sendayan dengan peruntukan sebanyak **1.0 juta ringgit**. Plot ini akan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur pertanian berteknologi moden seperti sistem pengairan, rumah lindungan dan pembajaan.

#### 70. **Inisiatif Baharu (6): Sejahtera Tani**

Penglibatan golongan belia dalam industri pertanian akan terus diperluaskan dengan menggabungkan dua (2) inisiatif terdahulu iaitu Siswazah Tani @Insist9 dan Petani Muda menjadi satu inisiatif baharu yang dinamakan **Sejahtera Tani**. Inisiatif ini akan membolehkan mana-mana belia yang layak dan berminat memperoleh geran bantuan sebanyak **10.0 ribu ringgit** maksimum. Untuk itu, sebanyak **550 ribu ringgit** akan diperuntukkan.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

---

## **Bidang Tumpuan 2: EKONOMI RAKYAT**

71. Agenda memperkasa dan mendaya upaya ekonomi rakyat akan tetap menjadi iltizam yang berterusan kerajaan ini. Melihat kepada keberkesanan dan pencapaian *outcome* inisiatif-inisiatif tersebut, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengekalkan **empat (4) inisiatif** sedia ada pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **6.7 juta ringgit** dan memperkenalkan **dua (2) inisiatif baharu** dengan peruntukan sebanyak **9.0 juta ringgit**. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi bidang tumpuan ini adalah sebanyak **15.7 juta ringgit**.

72. Sejak tahun 2019, Kerajaan telah melancarkan inisiatif **Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS)** iaitu pemberian modal perniagaan secara geran sebanyak **RM3,000.00** seorang kepada usahawan-usahawan kecil yang layak. Sehingga kini, seramai **5,149 usahawan kecil** telah mendapat manfaatnya. Melihat kepada sambutan yang amat luar biasa, Kerajaan bersetuju untuk meneruskan lagi inisiatif ini pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **3.0 juta ringgit**.

73. Kerajaan juga bersetuju meneruskan inisiatif **TUNS PLUS** iaitu skim pinjaman tanpa faedah sehingga had maksimum **15.0 ribu ringgit** seorang kepada usahawan-usahawan yang berhasrat memperluaskan lagi perniagaan mereka. Terkini, jumlah usahawan yang menerima TUNS PLUS adalah seramai **417 orang** usahawan dan sebanyak **3.0 juta ringgit** lagi akan disediakan pada tahun hadapan.

### **74. Inisiatif Baharu (7): TUNS EXTRA**

Melihat kepada kejayaan dua (2) program TUNS ini, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **TUNS EXTRA** pada tahun 2023. Inisiatif baharu ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada usahawan mengembangkan

lagi perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi secara geran padanan (*matching-grant*) di antara peserta dengan pihak Kerajaan Negeri melalui **Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS)** selaku peneraju dengan had maksimum **30.0 ribu ringgit**. Setiap usahawan yang layak akan dijemput untuk membuat pembentangan idea-idea inovatif dan kreatif. Sehubungan itu, sebanyak **1.0 juta ringgit** akan diperuntukkan pada tahun 2023.

#### **75. Inisiatif Baharu (8): Projek Pembinaan Jalan Baharu dari Kem Senawang ke Taman Bandar Senawang, Seremban**

Pertumbuhan sektor ekonomi domestik sangat bergantung kepada tahap pembangunan infrastruktur asas yang baik dan jaringan pengangkutan yang cekap. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memasukkan **Projek Pembinaan Jalan Baharu dari Kem Senawang ke Taman Bandar Senawang, Seremban**, sebagai salah satu projek berimpak tinggi dengan anggaran kos projek sebanyak **8.0 juta ringgit**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

#### **Bidang Tumpuan 3: PENDIDIKAN**

76. Pendidikan sentiasa menjadi elemen penting dalam membentuk peradaban manusia yang tinggi. Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **18.68 juta ringgit** pada tahun 2023 bagi membiayai sebanyak **9 inisiatif**, yang terdiri dari **6 inisiatif sedia ada** dan **3 inisiatif baharu**. Inisiatif sedia ada seperti Bantuan Sekolah Tahfiz/SJKC/SJKT/Swasta, Elaun Guru Kafa, Tabung Penyelenggaraan Sekolah, Program *Fast Track* Lepasan Tahfiz, Bantuan Anak Sekolah (BAS) dan Biasiswa Anak Negeri, akan dikekalkan.

**77. Inisiatif Baharu (9): Pembinaan Dewan Utama Kolej Yayasan Negeri Sembilan.**

Kesinambungan dari kejayaan pembinaan bangunan akademik baru Kolej Yayasan Negeri Sembilan di Gentam, Kerajaan Negeri bertekad untuk terus memperkasakan lagi taraf dan kemudahan di kolej tersebut dengan membina sebuah **Dewan Utama** yang serba lengkap secara geran padanan di antara Kerajaan Negeri dan Yayasan Negeri Sembilan dengan anggaran kos sebanyak **10.0 juta ringgit**.

**78. Inisiatif Baharu (10): Penubuhan Majlis Perundingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Negeri Sembilan.**

Melihat kepada peningkatan jumlah pelaburan yang diterima dalam tempoh empat (4) tahun ini, Kerajaan Negeri optimis bahawa dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, Negeri Sembilan bakal menerima limpahan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor industri pembuatan dan perkhidmatan. Kita perlu bersedia menyediakan pasaran tenaga separuh mahir yang mencukupi kepada industri dalam bidang TVET. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah **Majlis Perundingan TVET Negeri Sembilan** bertujuan untuk menyelaraskan modul dan kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi TVET di Negeri Sembilan seperti Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara dan Kolej Yayasan Negeri Sembilan. Inisiatif ini akan diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

79. Penubuhan Majlis Perundingan TVET Negeri Sembilan akan menambah baik penyelarasan lanskap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Negeri Sembilan. Inisiatif ini diharap dapat memperkukuh jaringan dan kolaborasi sedia ada dan merapatkan jurang di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja, menyediakan graduan yang menepati keperluan

industri, meningkatkan kualiti institusi TVET, memperkukuh penawaran program berorientasikan industri dan memperhebat keterlibatan aktif industri.

#### 80. **Inisiatif Baharu (11): Menaiktaraf Fasiliti Sekolah Agama Rakyat (SAR).**

Bagi memastikan institusi Sekolah Agama Rakyat (SAR) dipelihara dengan baik serta memastikan keselesaan pelajar-pelajar, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **1.68 juta ringgit** bagi kerja-kerja menaiktaraf fasiliti sekolah SAR seluruh Negeri Sembilan dengan anggaran peruntukan sehingga **80 ribu ringgit** bagi setiap sekolah. Ini akan memberi manfaat kepada **21 buah** Sekolah Agama Rakyat yang memerlukan penyelenggaraan.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

#### **Bidang Tumpuan 4: KEBAJIKAN**

Bermaksud: “Kasihilah yang di bumi, kamu akan dikasihi oleh yang ada di langit”. (Hadith Riwayat Tirmizi)

81. Bidang Tumpuan Kebajikan akan mengekalkan **tujuh (7) inisiatif sedia ada** iaitu takaful khairat kematian bagi orang Islam dan hibah kematian bagi bukan Islam, bayaran Ex-Gratia Pengerusi MPKK yang meninggal dunia, bantuan peralatan orthopedik, tabung perubatan haemodialisis, *food bank* dan Rumah Minda Ceria. Keseluruhan inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak **2.74 juta ringgit** pada tahun 2023.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

## **Bidang Tumpuan 5: PEMERKASAAN KOMUNITI**

82. Pemerksaan komuniti merupakan bidang tumpuan yang terus diberi perhatian seperti tahun-tahun sebelumnya dalam memastikan komuniti rakyat berada dalam persekitaran yang harmoni. Usaha ini terbukti apabila Negeri Sembilan telah dinobatkan sebagai negeri paling bahagia dalam **Indeks Kebahagiaan 2021** bagi bandar di Malaysia yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia pada 4 April 2022 yang lalu.

“Negeri yang baik (aman dan makmur) dan Tuhan yang  
Maha Pengampun”

83. Sebanyak **14 inisiatif** akan dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah **36.68 juta ringgit** yang merangkumi **11 inisiatif sedia ada** dengan jumlah peruntukan sebanyak **23.48 juta ringgit** dan **3 inisiatif baharu** berjumlah **13.2 juta ringgit** termasuk kos projek naik taraf jalan raya.

84. Antara inisiatif yang telah dilaksana dan akan diteruskan di bawah Bidang Tumpuan ini adalah seperti **Program Rumah Harapan Rakyat**, penyelenggaraan perumahan awam dan swasta serta geran JMB/MC, perkhidmatan bas percuma dan bas luar bandar, Desa Muafakat, Geran aktiviti MPKK dan belia MPKK.

85. Di kesempatan ini, izinkan saya berkongsi kejayaan PKNNS menyiapkan beberapa buah rumah di bawah inisiatif **Rumah Harapan Rakyat (RHR)**. Untuk rekod, sehingga kini sebanyak **7 buah RHR** telah berjaya disiapkan dan **108 buah** rumah sedang giat dilaksanakan. Rumah yang **berharga 81 ribu ringgit** seunit ini, dilengkapi dengan 3 buah bilik dan 2 buah bilik air dengan keluasan



lantai **836 kaki persegi**. Pemohon hanya perlu membayar pinjaman tanpa faedah sebanyak **70 ribu ringgit** sahaja dalam tempoh 25 tahun, manakala selebihnya akan diberikan subsidi oleh Kerajaan. Inisiatif ini telah menerima permintaan yang sangat tinggi dari rakyat khususnya di kalangan B40 yang masih belum memiliki rumah. Untuk rekod, jumlah permohonan yang telah diterima sehingga November 2022 adalah sebanyak **466 permohonan** namun kelulusan adalah terhad kepada 60 buah rumah sahaja setahun. Justeru itu, sebanyak **10 juta ringgit** lagi akan diperuntukkan pada tahun 2023. Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan MAINS bagi menambah dana menggunakan duit zakat bagi membina RHR untuk golongan asnaf yang dilaksanakan oleh PKNNS selaku peneraju.

86. Selain dari RHR yang dibina oleh Kerajaan, terdapat juga rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh pemaju swasta bagi memenuhi keperluan memiliki kediaman sendiri di kalangan penduduk Negeri Sembilan. Untuk rekod, sepanjang tempoh tiga tahun dari 2019 hingga 2021, sebanyak **18,796 unit** Rumah Mampu Milik Swasta dan **351 unit** rumah penjawat awam telah berjaya disediakan.

#### **87. Inisiatif Baharu (12): Penyediaan Lot Tanah untuk Generasi Kedua FELDA.**

Inisiatif baharu ini dilaksanakan melalui kaedah penyediaan lot-lot tanah untuk tapak rumah bagi generasi kedua dan ketiga FELDA. Inisiatif ini akan dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan Negeri yang sepatutnya diserahkan oleh FELDA sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian. Sebagai permulaan, penyediaan lot tanah ini akan melibatkan seluas **80 ekar** iaitu **50 ekar** tanah dalam kawasan FELDA di daerah **Jempol** dan **30 ekar** tanah lagi dalam kawasan FELDA di daerah **Tampin**.

88. Tanah-tanah yang dikenalpasti akan dipecahkan kepada lot-lot kediaman bersaiz 4,000 kaki persegi untuk diberikan kepada generasi kedua dan ketiga FELDA yang layak bagi memastikan mereka mempunyai peluang untuk memiliki kediaman sendiri dalam gugusan FELDA sedia ada.

89. Alhamdulillah pada 6 Oktober 2022 yang lalu saya telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Lot Kediaman FELDA Generasi Kedua di FELDA Palong 12. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **350 ribu ringgit** bagi kerja-kerja awal penyediaan lot-lot tanah generasi kedua FELDA pada tahun 2023. Insya-Allah, semoga usaha ini berjalan lancar dan generasi kedua FELDA bakal memiliki lot tanah kediaman sendiri.

#### 90. **Inisiatif Baharu (13): Geran JPPKOA**

Sejak tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menyediakan Geran MPKK sebanyak **RM5,000.00** setiap tahun. Namun begitu, geran ini hanya terhad kepada kampung-kampung tradisional sahaja. Sehubungan itu, bagi menzahirkan rasa kebersamaan dan rasa hormat kepada masyarakat Orang Asli, sukacita saya umumkan **Geran Khas Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPPKOA)** sebanyak **RM5,000.00** kepada 69 buah kampung orang asli yang berdaftar dengan peruntukan sebanyak **345 ribu ringgit**. Semoga dengan pemberian geran ini, dapatlah JPPKOA menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan komuniti.

#### 91. **Inisiatif Baharu (14): Projek Menaiktaraf Jalan Tanjung Ipoh - Ranjau Hantu di Daerah Kuala Pilah**

Jalan Seremban ke Kuala Pilah kebiasaannya sesak ketika hujung minggu atau cuti perayaan. Oleh itu atas keprihatinan Kerajaan Negeri, Jalan Tanjung Ipoh ke Ranjau Hantu yang menghubungkan kampung-kampung tradisi seperti Kg.

Ampang Tinggi, Kg. Pulau Jelebu dan Kg. Kuala Serdang ke pekan Kuala Pilah dan Tanjung Ipoh akan dinaiktaraf bagi mewujudkan jalan alternatif bagi mereka yang ingin ke Seremban dan Kuala Pilah dengan anggaran kos projek sebanyak **12.5 juta ringgit**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **Bidang Tumpuan 6: BELIA DAN WANITA**

92. Adat Perpatih di Negeri Sembilan sentiasa menjunjung tinggi kemuliaan dan peranan wanita dalam sistem masyarakat. Wanitalah yang akan menentukan rupa wajah dan tingkah laku generasi yang akan datang. Bak kata bidalan, ***“Kalau keruh air dihulu, sampai ke muara keruh jua. Kalau kurik induknya, rintiklah anaknya”***.

93. Menyedari betapa pentingnya belia dan wanita sebagai tulang belakang Kerajaan, maka agenda pemerkasaannya akan diteruskan dalam Belanjawan 2023. Untuk itu, sebanyak **6.2 juta ringgit** akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

94. Peruntukan ini disediakan untuk penganjuran program, latihan dan bantuan *one-off* kewangan. Sebanyak **empat (4) inisiatif sedia ada** dikekalkan dengan peruntukan sebanyak **4.5 juta ringgit** iaitu geran Tabung Belia Harapan (TABAHA), perlindungan takaful *Food Rider*, *Care for U* dan *Power House* Wanita Gemilang atau lebih dikenali sebagai PH GEM. Bidang Tumpuan ini turut diperluaskan kepada **dua (2) inisiatif baharu** iaitu pembangunan fasiliti sukan dan pemerkasaan sukan paralimpik dengan peruntukan sebanyak **1.7 juta ringgit**.

95. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah

kepada pasukan bola sepak Negeri Sembilan yang telah berjaya menduduki tangga ke-empat dalam carta Bola Sepak Liga Super tahun 2022. Kejayaan cemerlang yang dipamerkan oleh anak-anak muda ini, membuktikan bahawa tidak ada yang mustahil dan sukar untuk dicapai sekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Sehubungan itu, sukacita saya mengumumkan **Inisiatif Baharu (15)** iaitu **Menaiktaraf Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi** yang akan dilaksanakan secara kerjasama antara Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan MBI. Sebanyak **1.2 juta ringgit** akan diperuntukkan bagi kerja-kerja menaiktaraf tersebut.

**96. Inisiatif Baharu (16): Perneriksaan Sukan Paralimpik.**

Sukan Paralimpik merupakan sukan peringkat tertinggi yang melibatkan atlet-atlet kelainan upaya yang dianjurkan setiap empat tahun sekali bersama dengan temasya Sukan Olimpik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **500 ribu ringgit** sebagai sokongan terhadap pembangunan sukan paralimpik di peringkat Negeri agar lebih ramai atlet-atlet kelainan upaya kelahiran Negeri Sembilan berjaya di peringkat antarabangsa.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

**Bidang Tumpuan 7: KEROHANIAN DAN AGAMA**

97. Sebagaimana yang telah saya jelaskan di awal-awal pembentangan tadi, Kerajaan Negeri akan terus menjunjung prinsip Perlembagaan yang mengangkat Agama Islam sebagai agama rasmi negara dan pada masa yang sama akan tetap menghormati prinsip kebebasan beragama. Untuk itu, **empat (4) inisiatif sedia ada dikekalkan** dengan peruntukan sebanyak **5.32 juta ringgit** dan ditambah dengan **3 inisiatif baharu** dengan peruntukan sebanyak **8.53 juta ringgit**. Ini menjadikan keseluruhan peruntukan di bawah Bidang Tumpuan 7 ini sebanyak **13.85 juta ringgit**.

**98. Inisiatif Baharu (17): Pembinaan Baharu Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Port Dickson.**

Semasa belanjawan tahun 2020 yang lalu, saya telah umumkan peruntukan sebanyak **5.3 juta ringgit** untuk pembinaan Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Pilah yang baharu. Alhamdulillah, kini, bangunan PAID Kuala Pilah tersebut telah pun berjaya disiapkan dan akan mula beroperasi pada awal tahun hadapan.

99. Bagi meneruskan usaha memartabatkan institusi pentadbiran Islam, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Pembinaan Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Port Dickson** dengan kos sebanyak **6.0 juta ringgit**. Lokasi pembinaan adalah di atas tanah rizab JHEAINS berkeluasan 5 ekar di Jalan Pantai Batu 2, Port Dickson. Peruntukan awalan akan disediakan pada tahun hadapan bagi kerja-kerja rekabentuk konsep dan penyediaan tender. Adalah diharapkan dengan pembinaan kompleks pentadbiran PAID baharu ini, akan dapat menyemarakkan lagi semangat kakitangan JHEAINS dalam menyebarkan dakwah di negeri ini di samping memberikan keselesaan kepada pelanggan dalam berurusan.

**100. Inisiatif Baharu (18): Pembinaan Baharu Dewan Terbuka @ Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan.**

Sukacita juga saya umumkan yang Kerajaan akan membina sebuah **Dewan Terbuka** di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi pada tahun 2023 dengan anggaran kos projek sebanyak **1.63 juta ringgit**. Dewan baharu yang berkapasiti **1,500 orang** ini akan digunakan bagi pelbagai aktiviti dan program di peringkat negeri khususnya hari-hari Kebesaran Islam yang menjadi tumpuan kehadiran masyarakat setempat.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

**101. Inisiatif Baharu (19): Insentif Penggali Kubur.**

Saya yakin sebahagian besar dari kita yang ada dalam dewan ini, sangat sinonim dengan watak **Tok Adi** dalam drama Tanah Kubur. Wajah tenang Tok Adi dengan kata-kata nasihatnya sentiasa menjadi mainan bicara buat rakyat Malaysia. Namun, mesej tersembunyi yang cuba disampaikan kepada kita adalah akhlak dan pengorbanan Tok Adi yang sanggup memerah kudrat bagi menyempurnakan tuntutan fardhu kifayah untuk menggali kubur apabila berlakunya kematian. Penggali kuburlah yang akan menjadi insan terakhir yang berjasa kepada kita tanpa mengira darjat dan kedudukan. Sebagai tanda kasih sayang dan menghargai jasa penggali kubur ini, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Bayaran Insentif Penggali Kubur** dengan bayaran **RM1,000.00 secara one-off** pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **0.9 juta ringgit**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

**Bidang Tumpuan 8: ADAT DAN PELANCONGAN**

102. Bidang Tumpuan berikutnya adalah Adat dan Pelancongan. Kerajaan negeri sentiasa menjunjung tinggi sistem Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan yang tercinta ini dan akan tetap mempertahankan kedaulatannya seperti kata tromba, "***Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, kuat hukum tak gaduh adat. Adat berkampung, kampung dipertahankan. Adat bersuku, suku dipertahankan***". Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mengekalkan dua (2) inisiatif sedia ada iaitu Geran Aktiviti Adat dan Bangunan Rumah Warisan dengan peruntukan sebanyak **1.0 juta ringgit** dan melaksanakan **tiga (3) lagi** inisiatif baharu dengan peruntukan

berjumlah **1.3 juta ringgit** menjadikan keseluruhan peruntukan di bawah bidang tumpuan ini sebanyak **2.3 juta ringgit**.

#### 103. **Inisiatif Baharu (20): Perpatih Fest**

Melihat kepada sambutan yang menggalakkan setiap kali program berkaitan adat dianjurkan, maka saya berpendapat telah sampai masanya, bagi Kerajaan Negeri menganjurkan **satu acara khas** pada skala yang lebih besar iaitu **Perpatih Fest**. Inisiatif ini merupakan **showcase Negeri Sembilan** yang akan mempromosi keunikan sistem adat Perpatih kepada pihak luar khususnya di kalangan generasi muda. Program ini akan menjadi acara tambahan dalam *calender of event* pelancongan Negeri Sembilan mulai tahun 2023.

104. Selain itu, acara ini juga akan memberi pengalaman gastronomi kepada pengunjung melalui program promosi makanan Negeri Sembilan dan bakal memberi pengalaman yang unik kepada pengunjung untuk mencuba pelbagai permainan tradisi Negeri Sembilan. Sebanyak **500 ribu ringgit** akan diperuntukkan bagi inisiatif Perpatih Fest pada tahun 2023.

#### 105. **Inisiatif Baharu (21): Tapak Campervan**

Pengembaraan menggunakan *campervan* kini semakin popular dalam kalangan masyarakat Malaysia, terutama yang inginkan percutian bersama keluarga dalam suasana lebih selesa dan privasi.

106. Ketika ini, bilangan penggemar aktiviti berkenaan semakin berkembang dan kebanyakan mereka aktif berkongsi minat dalam media sosial. Justeru melihat kepada potensi aktiviti ini, Kerajaan Negeri tampil menyokong dengan penyediaan infrastruktur asas tapak *campervan* di dua (2) lokasi iaitu di Taman Eko Rimba, Lenggeng dan Sungai Sugani, Port Dickson dengan peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

107. **Inisiatif Baharu (22): Projek Pencahayaan Tapak Pesta Bola Ngoca.** Semasa mengambil alih pentadbiran negeri pada tahun 2018 dulu, tapak **Perkampungan Budaya Terachi** berada dalam keadaan yang terbiar dan tidak terurus. Keadaan bangunan yang usang dan semak samun, telah menjejaskan imej dan pandangan mata apatah lagi kedudukannya yang betul-betul terletak di hadapan simpang ke Istana Seri Menanti. Akhirnya, Kerajaan Negeri memutuskan untuk membaik pulih dan menaiktaraf bangunan berkenaan sehinggalah kini menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

108. Bagi menambahkan lagi produk pelancongan desa, kerajaan telah membangunkan tapak **Pesta Bola Ngoca** pada **tahun 2021** dan ternyata ianya adalah satu keputusan yang tepat apabila penganjuran sukan rakyat dan pertandingan bola sepak sawah telah mendapat sambutan yang luar biasa dari dalam dan luar Negeri Sembilan. Sehubungan itu, salah satu inisiatif baharu tahun hadapan adalah untuk melaksanakan **Projek Pencahayaan Tapak Pesta Bola Ngoca** dengan peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit**. Menerusi inisiatif ini, pelbagai program akan dapat dianjurkan pada waktu malam dan sudah pastinya akan menjadi lebih menarik.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **Bidang Tumpuan 9: PENTADBIRAN**

109. **Inisiatif: SPTB Plus dan e-Doket**

Selaras dengan Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan (PEDNS), kerajaan akan terus memperkukuhkan lagi penggunaan aplikasi digital dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam di negeri ini. Ini bagi memastikan semua



urusan dan urusan niaga dapat dijalankan pada setiap masa tanpa batas masa dan tempat. Untuk itu, sebanyak 2 inisiatif sedia ada iaitu **Sistem Pengurusan Tanah Bersepadu (SPTB) Plus** dan **Perluasan e-Doket** akan dikekalkan dengan peruntukan sebanyak **1.8 juta ringgit**. Untuk makluman Dewan yang mulia, perluasan e-Doket ini telah berjaya meningkatkan royalti bahan batuan dan mineral iaitu daripada **16.82 juta ringgit** pada tahun pertama pelaksanaan kepada **29.43 juta ringgit** pada tahun 2022.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

#### **H. BELANJAWAN PEMBANGUNAN 2023**

110. Sejalan dengan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) dan dapatan dari Jadual Input-Output yang disediakan, Kerajaan Negeri komited untuk menterjemahkan rancangan pembangunan tersebut ke dalam bentuk projek-projek fizikal dan program-program pembangunan yang lain secara terancang. Untuk itu, sukacita saya mencadangkan peruntukan **Belanjawan Pembangunan Tahun 2023** dengan peruntukan sebanyak **130.0 juta ringgit**.

111. Peruntukan ini akan membiayai pelbagai projek-projek baharu dan sambungan meliputi **enam (6) sektor** iaitu **Pembangunan Sosial; Pertanian; Infrastruktur; Kerohanian; Pentadbiran** dan **Pelancongan** melibatkan **243** Projek Baharu dan **42** Projek Sambungan.

#### **Sektor Pembangunan Sosial**

112. **Sektor Pembangunan Sosial** merupakan sektor tertinggi menerima peruntukan pembangunan iaitu sebanyak **30.88 juta ringgit**. Untuk itu, sebanyak **18.0 juta ringgit** diperuntukkan untuk kerja-kerja **Perkhidmatan Masyarakat, Projek Kerja-kerja Kecil Pembangunan dan Pengubahsuaian**

**Dewan serta Balairaya** sebanyak **7.03 juta ringgit** dan **Program Pencahayaan Jalan-jalan Negeri** sebanyak **1.5 juta ringgit**.

113. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga prihatin terhadap keperluan untuk mendiami rumah sendiri dan perumahan yang mampu dimiliki. Untuk itu, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah **4.0 juta ringgit** bagi kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur **Rumah Awam Kerajaan Negeri** supaya sentiasa berada dalam suasana yang kondusif dan selesa.

### **Sektor Pertanian**

114. Sektor pertanian merupakan sektor yang akan diberikan tumpuan dalam belanjawan tahun hadapan. Sektor ini akan menjadikan Negeri Sembilan sebagai salah sebuah negeri utama pengeluar makanan dan industri hiliran berasaskan pertanian di Malaysia. Ini akan membantu mengurangkan defisitimbangan perdagangan bahan makanan untuk negara.

115. Menyedari kepentingan sumber makanan pada masa kini, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak **15.92 juta ringgit** kepada sektor **Pertanian** berbanding 13.50 juta ringgit pada tahun 2022. Daripada jumlah ini, sebanyak **11.35 juta ringgit** diperuntukkan bagi Jaminan Bekalan Makanan melalui program peningkatan hasil sayuran dan buah-buahan yang terdiri daripada penyediaan input pertanian, mekanisasi dan automasi pertanian. Sebanyak **4.57 juta ringgit** juga akan diperuntukkan untuk membangunkan sektor penternakan dengan keutamaan kepada pembangunan komoditi ruminan, industri tenusu dan lain-lain projek pembangunan yang berkaitan.

## **Sektor Infrastruktur**

116. Infrastruktur dan kemudahan awam adalah komponen penting dalam program pembangunan. Peruntukan bagi sektor **Infrastruktur** pada tahun 2023 adalah berjumlah **25.32 juta ringgit**, berbanding peruntukan 21.61 juta ringgit pada tahun 2022. Sebanyak **10.24 juta ringgit** diperuntukkan bagi memperkukuh aksesibiliti, meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan pembinaan jajaran jalan baharu untuk perkembangan ekonomi setempat.

117. Selain memperbaiki jaringan jalan raya, Kerajaan Negeri turut memberikan tumpuan kepada masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku apabila hujan lebat melebihi tempoh 2 jam. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **11.90 juta ringgit** untuk melaksanakan projek **Rancangan Tebatan Banjir** dan **Rancangan Pengurusan Sungai** di beberapa lokasi yang dikenalpasti.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

## **Sektor Kerohanian**

118. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di awal pembentangan tadi, sektor kerohanian merupakan salah satu sektor yang menerima peruntukan pembangunan yang tinggi setiap kali pembentangan belanjawan. Meneruskan kesinambungan tersebut, kerajaan mencadangkan peruntukan sebanyak **22.13 juta ringgit** pada tahun hadapan iaitu **meningkat sebanyak 2.13 juta ringgit** berbanding peruntukan **19.95 juta ringgit** pada tahun 2022. Sebahagian besar peruntukan ini melibatkan komitmen kerajaan kepada lapan (8) projek sambungan pembinaan masjid yang kebanyakannya akan siap dibina pada tahun 2023. Antara projek yang dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun hadapan adalah Masjid Rahmania di Bahau; Masjid Kariah Kendong di

Rembau; Masjid Taman Forest Heights, Masjid Warisan Puteri, Masjid Bandar Seremban Selatan dan Masjid Taman Senangin Lenggeng di Seremban.

### **Sektor Pentadbiran**

119. Bagi meneruskan pencapaian cemerlang perkhidmatan awam di negeri ini, sebanyak **29.71 juta ringgit** diperuntukkan di bawah sektor **Pentadbiran** iaitu **meningkat** sebanyak **3.26 juta ringgit** berbanding **26.44 juta ringgit** pada tahun 2022. Peningkatan peruntukan ini adalah manifestasi kesungguhan kerajaan untuk memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap sejajar dengan Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan. Pengukuhan *Digital Governance* perlu disokong dengan jaringan internet yang lebih menyeluruh dan kebolehcapaian yang tinggi. Untuk itu, sebanyak **9.87 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun hadapan.

120. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak **15.28 juta ringgit** untuk kerja-kerja pengubahsuaian atau menaiktaraf kompleks pentadbiran Kerajaan di seluruh negeri.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **Sektor Pelancongan**

121. Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK negeri. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, sektor pelancongan menyumbang sekitar **10 peratus** kepada KDNK negeri pada tahun 2017, 2018 dan 2019 dengan purata perbelanjaan oleh pelancong domestik sebanyak **46 juta ringgit** setahun. Selain dari pelancongan pantai, tumpuan turut diberikan kepada pembangunan eko-pelancongan di kawasan hutan-hutan lipur dan pelancongan berasaskan makanan ataupun *gastronomi tourism*.

122. Untuk itu, jenama **Pesona Negeri Sembilan** akan terus dipersadakan supaya gah dikenali di seluruh pelosok negara. Setiap daerah akan memperkenalkan Pesona Daerah masing-masing berdasarkan kepada potensi sumber yang ada. Untuk itu, sebanyak **6.04 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun hadapan iaitu peningkatan sebanyak **2.87 juta ringgit** berbanding **3.17 juta ringgit** pada tahun 2022. Sejumlah **5.10 juta ringgit** diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan pelancongan, restorasi dan menaiktaraf bangunan dan rumah warisan di Negeri Sembilan.

123. Antara projek penyelenggaraan yang akan diberi tumpuan adalah kerja-kerja menaik taraf infrastruktur kemudahan di PDForest Sungai Menyala, membaik pulih Dataran Kenaboi sebagai Dataran Mengemping serta menaik taraf Kompleks Stadium Bola Sepak Sawah di Tapak Ngoca Perkampungan Budaya Terachi. Sejumlah **1.0 juta ringgit** diperuntukkan untuk membaik pulih kemudahan di Jeram Toi yang terkesan akibat banjir besar pada Disember 2021 yang lalu.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

## **I. PENUTUP**

124. Pengalaman mengharungi cabaran Covid-19 selama dua tahun adalah satu pengalaman yang sangat berharga dan sukar dilupakan. Sungguhpun berhadapan dengan risiko jangkitan, penjawat awam tetap tabah menunaikan amanah bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan terus berjalan demi kesejahteraan rakyat. Itulah manifestasi kemuafakatan yang dipamerkan dalam perkhidmatan awam bak kata bidalan ***“Mencari kata muafakat, Menokok barang yang kurang, Mengulas mana yang senteng,***

***Menghubung yang pendek, Berat sama dipikul, Ringan sama dijinjing, Ke bukit sama didaki, Ke lurah sama dituruni”.***

125. Namun begitu, saya yakin, masih banyak ruang penambahbaikan yang boleh kita lakukan supaya perkhidmatan awam negeri sentiasa dipandang tinggi oleh orang ramai yang datang berurusan. Penjawat awam haruslah lebih responsif dan proaktif dalam melayan karenah aduan awam. Janganlah ambil masa yang terlalu lama semasa memproses sesuatu permohonan. Laksanakanlah tugas dengan penuh ikhlas, adil dan saksama mengikut lunas-lunas peraturan yang ditetapkan. Jangan sesekali ada rasa berat sebelah semasa membuat pertimbangan ibarat kata ***“Tiba di perut jangan dikempiskan, Tiba di mata jangan dipicingkan, Tiba di dada jangan dibusungkan, Daging jangan membuang lemak, Limau jangan masam sebelah”***. Jadikanlah *tagline* **Bersih, Muafakat** dan **Sejahtera** sebagai pedoman semasa menjalankan tugas.

126. Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan perubahan yang ditunjukkan oleh penjawat awam di negeri ini. Pengiktirafan demi pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional, membuktikan tadbir urus perkhidmatan awam di negeri ini berada pada tanda aras yang tinggi dan sering dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain.

**Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua,**

### **Bantuan Khas Kewangan**

127. Dikesempatan ini, sukacita saya umumkan bahawa kutipan hasil negeri sehingga jam **12.00 tengah hari ini, 25 November 2022** adalah sebanyak **444 juta ringgit** atau bersamaan **102.78 peratus**. Kutipan ini melebihi daripada 100 juta ringgit berbanding kutipan tahun lalu untuk tempoh yang sama.

**Tahniah saya ucapkan!** Ini merupakan satu pencapaian yang hebat dan membanggakan. Pasti bukan satu kerja yang mudah. Untuk itu, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pejabat pemungut hasil, khususnya kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Sembilan selaku peneraju dalam pengurusan kewangan negeri.

128. Penghargaan ini juga saya panjangkan kepada semua penjawat awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan seramai **5,599 orang** semuanya. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada penjawat awam yang sentiasa mencurahkan khidmat bakti tanpa berbelah bahagi kepada Kerajaan dan rakyat, sukacita saya mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan (BKK)** sebanyak **satu bulan setengah gaji atau minimum dua ribu lima ratus ringgit** kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Bantuan khas ini akan dibayar sebanyak dua kali iaitu pada awal **Januari** dan **minggu pertama April 2023**. Adalah diharapkan bantuan khas kewangan ini akan menyuntik semangat semua penjawat awam untuk bekerja dengan lebih gigih lagi.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **Ucapan Penutup**

129. Pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan di negeri ini, tidak pernah rasa jemu dan lelah dalam membuat kebaikan dan kebajikan kepada sekalian rakyat Negeri Sembilan. Ianya menuntut kesungguhan dan pengorbanan atas nama kebaktian pada agama, nusa dan bangsa. Firman Allah dalam surah **Yusuf ayat 90**:

Mereka berkata: "Apakah kamu ini benar-benar Yusuf?". Yusuf menjawab: "Akulah Yusuf dan ini saudaraku. Sesungguhnya Allah telah melimpahkan kurnia-Nya kepada kami". Sesungguhnya barang siapa yang bertakwa dan bersabar, maka sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang berbuat baik"

130. Merujuk mafhum tafsir daripada surah Yusuf ini, bahawa Tuhan tidak menyuruh kita berhenti dari berusaha, Tuhan juga tidak benarkan kita sesekali berputus asa dari RahmatNya, dan apatah lagi sesungguhnya Tuhan juga tetap menjanjikan kepada hamba-hambaNya yang berislah dan beriltizam, bahawa kejayaan pasti menjelma jua.

131. Menutup pembentangan ini, marilah kita bersama-sama berdoa memohon semoga Allah SWT sentiasa merahmati usaha, membimbing tindakan dan mengizinkan hasil yang sempurna buat kita semua di bumi bertuah ini. Semoga ditokok apa yang kurang, dicantum apa yang jarang, dihimpun apa yang kejauhan. Dengan sifat Rahman dan Rahim-Nya, diampunkan segala dosa yang kita lakukan.

132. Semoga Belanjawan tahun 2023 diterima oleh Allah SWT sebagai bukti ikhtiar hamba-Nya sebagai khalifah di atas hamparan dunia ini. Yang indah-indah itu dari Ilahi dan yang kurang itu sifat insani. Marilah kita berdoa kepada Allah Yang Maha Berkuasa, agar ditetapkan iman kita di atas jalan kebenaran. Semoga kita sentiasa istiqamah dalam perjuangan di jalanNya sehingga nafas yang terakhir. Ampunkanlah dosa-dosa kami ya Allah, kepadaMu kami berserah dan kepadaMu jualah kami bertawakal.

133. Izinkan saya mengakhiri pembentangan belanjawan ini dengan firman Allah swt dalam surah **Asy-Syura (Musyawarah) ayat 12**



Milik-Nyalah perbendaharaan langit dan bumi; Dia melapangkan rezeki dan membatasinya bagi siapa yang Dia kehendaki. Sungguh, Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**  
Saya mohon mencadangkan.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.